



## PERBADANAN KEMAJUAN EKONOMI NEGERI PERLIS (PKENPs)


### POLISI ANTIRASUAH

**Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis (PKENPs)** mewujudkan Polisi Antirasuah bertujuan untuk menerangkan dasar, peraturan serta larangan terhadap sebarang aktiviti berbentuk rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Polisi ini mematuhi peruntukan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) dan semua undang-undang berkaitan yang berkuatkuasa di Malaysia.

PKENPs dan Syarikat Kumpulan komited untuk menolak sebarang bentuk amalan rasuah dalam perniagaan, mengamalkan budaya integriti dan tadbir urus terbaik. PKENPs dan Syarikat Kumpulan komited untuk:

- a. Membanteras segala amalan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa di kalangan anggota kerja, Syarikat Kumpulan dan pihak berkepentingan;
- b. Melaksanakan Sistem Pengurusan Antirasuah yang berfungsi sebagai sistem kawalan dalaman bagi mengesan, mencegah, mengendalikan, menguat kuasa, menilai serta menambah baik langkah pengurusan antirasuah secara berkesan;
- c. Mewujudkan Pelan Tindakan Integriti PKENPs sebagai rangka kerja untuk menetapkan, menyemak semula dan mencapai objektif antirasuah;
- d. Memenuhi semua keperluan Sistem Pengurusan Antirasuah (ABMS);
- e. Menggalakkan anggota kerja dan pihak luar melaporkan sebarang kesalahan rasuah dengan menyediakan saluran aduan integriti;
- f. Menambah baik Sistem Pengurusan Antirasuah secara berterusan;
- g. Unit Integriti bertindak sebagai badan bebas yang berperanan untuk pelaksanaan Sistem Pengurusan Antirasuah PKENPs dan Syarikat Kumpulan, serta melaporkan prestasi pelaksanaannya kepada Pengurusan Tertinggi dan Lembaga Pengarah; dan

h. Mengambil tindakan yang sewajarnya bagi sebarang ketakakuran polisi Anti-Rasuah yang berkaitan.



**TUAN MOHD SHUKRI BIN RAMLI**  
PENERUS  
PERBADANAN KEMAJUAN EKONOMI NEGERI PERLIS (PKENPs)

31 DISEMBER 2022